

Headline	Tawar harga istimewa sempena Aidilfitri		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	20 May 2018	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	40	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 785
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,354



## ***Tawar harga istimewa sempena Aidilfitri***

**KULIM** - Pesta Jualan Mega Borong Raya 2018 di Dataran Niaga Keda Mall @Kulim bakal menjadi tarikan pengunjung yang ingin menikmati harga istimewa sempena Aidilfitri ini.

Penganjur, Riduan Abd Rahman berkata, sebanyak 60 gerai dibuka yang menjual pelbagai pilihan untuk persiapan hari raya dengan harga borong.

Menurutnya, pesta ini akan mula dibuka pada 20 Mei sehingga 14 Jun iaitu selama 26 hari sepanjang

Ramadan bermula jam 10 pagi hingga 1 pagi setiap hari.

“Ini kali ketiga kita menganjurkan pesta borong raya ini. Tahun sebelum ini memang mendapat sambutan menggalakkan.

“Tahun ini pun kita jangka setiap hari 3,000 orang yang akan hadir, kerana di sini kita tawarkan harga borong memang berbaloi untuk seisi keluarga,” katanya.

Beliau berkata, kemudahan awam seperti tandas, su-



**RIDUAN**

rau dan parkir juga disediakan selain berdekatan dengan Bazar Ramadan yang ada di pasar tani di situ.